

50 siswa UPM pamer kreativiti

FOTO | Apandi Mohamad



BEGINI CARANYA...pelajar diberikan tunjuk ajar
sewaktu program.

GELAGAT 50 mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) membuat acuan bagi menyiapkan tugas sewaktu menjalani program School Of Hardknocks di Royal Selangor Pewter, baru-baru ini, nyata mencetuskan kekaguman.

Meskipun masih belajar dan kurang berpengalaman, keupayaan menghasilkan reka bentuk pakaiannya menggunakan kepingan pewter dengan dibantu dua tenaga terlatih daripada Royal Selangor Pewter, wajar diberi pujian.

Pensyarah Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina, Siti Mastura Md Ishak, berkata program berkenaan sebagai platform utama bagi memberi peluang mahasiswa menjalani latihan di luar bilik kuliah pada peringkat awal pengajian.

Menurutnya, pendedahan awal bukan saja memberi peluang meneroka pengalaman baru malah membantu meningkatkan kemahiran akademik dan praktikal sepanjang tempoh pengajian.

"Usaha memberi pendedahan awal adalah langkah proaktif UPM untuk mencambah ilmu dan pengalaman di kalangan mahasiswa tahun pertama," katanya.

Tema diketengahkan berkonsepkan Pulangan Terhadap Inovasi manakala produk berkenaan berdasarkan inspirasi aksesori fesyen tradisional dari Kelantan.

Program sehari itu juga memberi peluang mahasiswa

menambah kemahiran serta mengetahui sejarah penubuhan Royal Selangor Pewter menerusi pengembalaan singkat di muzium.

Mereka turut berpeluang menunjukkan kreativiti menerusi ciptaan masing-masing untuk dipersembahkan pada akhir program.

Rekaan harus dihasilkan dalam waktu yang singkat, bertujuan melihat keupayaan menghasilkan produk daripada proses aplikasi pengetahuan teknologi lukisan teknikal kejuruteraan.

Menurut Siti Mastura, program turut mensasarkan objektif untuk melihat kemampuan mahasiswa membentuk jalinan kerjasama antara satu sama lain.

"Mereka masih baru namun program ini menjadi wadah mewujudkan kerjasama dan membentuk semangat perpaduan di kalangan mahasiswa pelbagai kaum," katanya.

Mahasiswa, Raihan Mohd Salleh, berkata dia teruja menyertai program itu yang disifatkan bermanfaat membantunya dalam kuliah.

"Pendedahan ini boleh memberi impak positif kerana bukan saja berpeluang memantapkan kemahiran tapi merasai pengalaman seperti bekerja di dunia pekerjaan sebenar."

"Saya berharap dapat mengikuti program serupa pada masa depan dan menerusi suntikan sedemikian, ia menambah keyakinan diri," katanya.